



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)**  
**SUKU TAHUN KEEMPAT 2022**  
**DAN TAHUNAN 2022**

*QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT  
FOURTH QUARTER 2022  
AND ANNUAL 2022*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR  
SUKE TAHUN KEEMPAT 2022  
DAN TAHUNAN 2022**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


---

**TAJUK UTAMA: SEKTOR BUKAN MINYAK DAN GAS TERUS  
MENCATATKAN PENINGKATAN PADA TAHUN 2022.**

1. Bagi tahun 2022, Sektor Bukan Minyak & Gas mencatatkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus, menyumbang sebanyak 47.3 peratus kepada keseluruhan ekonomi, manakala Sektor Minyak dan Gas telah menurun sebanyak 6.2 peratus yang menyumbang sebanyak 52.7 peratus. Dengan penurunan Sektor Minyak dan Gas ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 1.6 peratus.
2. Peningkatan bagi Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah didorong oleh peningkatan subsektor-subsektor seperti Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia, Perdagangan Borong dan Runcit dan Pengangkutan Udara. Manakala, penurunan bagi Sektor Minyak dan gas adalah dikaitkan dengan subsektor-subsektor Perlombongan Minyak & Gas, dan Pembuatan Gas Cecair Asli (LNG).
3. Pada suku tahun keempat (Q4) 2022, sumbangan utama Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut aktiviti ekonomi adalah sektor Industri yang menyumbang sebanyak 64.2 peratus, diikuti oleh sektor Perkhidmatan 34.7 peratus dan sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 1.1 peratus.
4. Jumlah KDNK, *pada harga semasa* adalah sebanyak BND5.7 bilion berbanding BND5.2 bilion pada Q4 2021. Sektor Minyak & Gas menyumbang sebanyak 50.7 peratus, manakala, Sektor Bukan Minyak &

Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 49.3 peratus.

5. Manakala, pertumbuhan KDNK bagi Q4 2022, pada harga tetap mencatatkan penurunan sebanyak 1.6 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam Sektor Minyak & Gas sebanyak 7.5 peratus. Walaubagaimanapun, Sektor Bukan Minyak & Gas mencatatkan peningkatan sebanyak 4.3 peratus.



6. Penurunan dalam Sektor Minyak & Gas adalah disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah, gas asli dan gas cecair asli (LNG) berikutan aktiviti-aktiviti pemulihan dan penyelenggaraan.
7. Sektor Bukan Minyak & Gas terus menunjukkan perkembangan yang positif dengan peningkatan pada subsektor-subsektor seperti Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia, Perdagangan Borong dan Runcit, dan Perkhidmatan Kewangan.
8. Peningkatan Subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia sebanyak 14.2 peratus adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran produk petroleum terutamanya produk RON 90, dan juga pengeluaran produk kimia baru khususnya baja urea.
9. Peningkatan Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak 9.0 peratus adalah disebabkan oleh kenaikan permintaan domestik terutamanya peningkatan prestasi jualan runcit berikutan penarikan

sekatan-sekatan pandemik. Manakala, peningkatan Subsektor Kewangan adalah selaras dengan peningkatan pendapatan aktiviti kewangan dan perbankan.

10. Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan pertumbuhan KDNK pada Q4 2022 adalah didorong oleh penurunan Perbelanjaan Kapital khususnya pelaburan swasta sebanyak 0.9 peratus, dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 1.0 peratus. Walaubagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh peningkatan Eksport Barang dan Perkhidmatan sebanyak 8.4 peratus khususnya eksport barang bahan api galian, dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 18.1 peratus.

**KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap**

	<b>Q4 2021</b>	<b>Q4 2022</b>	<b>% Pertumbuhan</b>
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1,215.0	1,202.6	(1.0)
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	1,220.6	1,441.4	18.1
Perbelanjaan Kapital	1,401.9	1,398.4	(0.2)
Eksport Barang dan Perkhidmatan	4,047.7	4,386.7	8.4
<b>KDNK</b>	<b>4,979.7</b>	<b>4,901.7</b>	<b>(1.6)</b>

11. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Tahun Keempat dan Tahunan 2022 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)



**MEDIA RELEASE  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT  
FOURTH QUARTER 2022  
AND ANNUAL 2022**


**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**MAIN HEADLINE: THE NON-OIL AND GAS SECTOR CONTINUED TO REGISTER AN INCREASE IN 2022.**

1. *In 2022, the Non-Oil & Gas Sector recorded an increase of 3.1 per cent contributed 47.3 per cent to the total economy, meanwhile the Oil & Gas Sector decreased by 6.2 per cent which contributed 52.7 per cent. The decline of the Oil and Gas Sector has caused the country's economy to grow at a negative rate by 1.6 per cent.*
2. *The increase in the Non-Oil and Gas Sector was driven by the rise in subsectors such as Manufacturing of Petroleum and Chemical Products, Wholesale and Retail Trade, and Air Transport. Meanwhile, the decline in the Oil and Gas Sector was attributed to the Oil and Gas Mining, and the Manufacturing of Liquefied Natural Gas (LNG) Subsectors.*
3. *In the fourth quarter (Q4) of 2022, Gross Domestic Product (GDP) by economic activity was mainly contributed by the Industry sector which was about 64.2 per cent. This was followed by the Services sector at 34.7 per cent and Agriculture, Forestry, and Fishery sector at 1.1 per cent.*
4. *At the current price, Brunei Darussalam's GDP was valued at BND5.7 billion compared to BND5.2 billion in Q4 2021. The Oil & Gas Sector accounted for 50.7 per cent, meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, contributed 49.3 per cent.*

5. Meanwhile, GDP growth in Q4 2022, at constant prices, recorded a decline of 1.6 per cent year-on-year. This was due to a decrease in the Oil & Gas Sector by 7.5 per cent. On the other hand, the Non-Oil & Gas Sector increased by 4.3 per cent.



6. The decline in the Oil & Gas Sector was due to a decrease in the production of crude oil, natural gas and LNG, as a result of maintenance and rejuvenation activities.
7. The Non-Oil & Gas Sector remained positive with an increase in the subsectors attributed to Manufacturing of Petroleum and Chemical Products, Wholesale and Retail Trade, and Finance.
8. An increase in the Manufacturing of Petroleum and Chemical Products Subsector by 14.2 per cent was due to an increase in the production of petroleum particularly RON 90, and also the production of new chemical product, specifically urea fertilizer.
9. The increase in the Wholesale and Retail Trade Subsector by 9.0 per cent was due to the rise in domestic demand particularly improved retail sales performance following the lifting of pandemic restrictions. Meanwhile, the increase in the Finance Subsector was in line with an increase in the income from financial and banking activities.
10. By expenditure approach, a decrease in GDP growth in Q4 2022 was due to a decrease in the Gross Capital Formation particularly private investment

*by 0.9 per cent, and Government Final Consumption Expenditure by 1.0 per cent. However, the decrease was moderated by an increase in the Exports of Goods and Services by 8.4 per cent, mainly the export of mineral fuel goods and Household Final Consumption Expenditure by 18.1 per cent.*

### **GDP by Expenditure at Constant Prices**

	<b>Q4 2021</b>	<b>Q4 2022</b>	<b>% Growth</b>
Government Final Consumption Expenditure	1,215.0	1,202.6	(1.0)
Household Final Consumption Expenditure	1,220.6	1,441.4	18.1
Gross Capital Formation	1,401.9	1,398.4	(0.2)
Exports of Goods and Services	4,047.7	4,386.7	8.4
<b>GDP</b>	<b>4,979.7</b>	<b>4,901.7</b>	<b>(1.6)</b>

11. *Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The full report for the GDP Fourth Quarter and Annual 2022 is available from DEPS's website at [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)*